

Tengku Adnan kerja keras tarik pelancong Arab

Oleh Wan Faizal Ismayatim
(yang mengikuti lawatan Menteri
Pelancongan, Datuk Seri Tengku
Adnan Tengku Mansor
ke Dubai, baru-baru ini)

Jika berkunjung ke kawasan Bukit Bintang, Genting Highlands dan Sunway Lagoon, di Kuala Lumpur selain Pulau Pinang dan Langkawi, anda pasti tersempak pelancong dari Asia Barat. Keadaan itu bagaikan sudah biasa dilihat sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Berdasarkan perangkaan, sepanjang tahun lalu 186,821 pelancong Asia Barat direkod berkunjung ke negara ini iaitu meningkat 22 peratus berbanding 152,869 yang dicatatkan tahun sebelumnya dengan pelancong Arab Saudi mencatatkan kedatangan tertinggi iaitu 67,679, diikuti 35,118 pelancong dari Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Mengikut statistik Kementerian Pelancongan dan Jabatan Imigresen, pelancong Asia Barat mempunyai kuasa beli yang tinggi purata perbelanjaan RM1,000 sehari berbanding pelancong lain termasuk Eropah, Korea dan Jepun.

Menyedari hakikat itu, Kementerian Pelancongan mensasarkan menarik lebih 300,000 pelancong Arab sempena Tahun Melawat Malaysia 2007 (TMM07) iaitu meningkat 60 peratus berbanding tahun lalu.

Keyakinan itu, turut diperkukuhkan de-

ngan fakta kedatangan pelancong Asia Barat bagi dua bulan pertama tahun ini menunjukkan peningkatan 16.6 peratus, berbanding tempoh sama, tahun lalu.

Bagi mencapai matlamat itu, Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, bersama rombongan kementeriannya berkunjung ke Dubai pada 30 April dan berakhir 4 Mei lalu bagi mempromosikan TMM07 selain mengetuai 150 delegasi Malaysia menyertai Arabian Travel Mart (ATM) untuk 'menjual' Malaysia kepada pelancong berpotensi, khususnya dari Asia Barat.

Misi ke bandar terbesar di UAE, selama lima hari itu berakhir dengan pencapaian membanggakan apabila kementerian berkenaan mendapat maklum balas positif di kalangan syarikat penerbangan dan agensi pelancongan beberapa negara Asia Barat.

Rantau Teluk adalah antara tumpuan utama promosi TMM 07 berdasarkan potensi pasaran yang besar, selain disebabkan kedatangan pelancong rantau itu ke negara ini kian meningkat saban tahun.

Secara purata, pelancong rantau itu kebanyakannya berkunjung ke negara ini antara Jun hingga September iaitu pada musim panas di negara mereka dan biasanya menghabiskan kira-kira seminggu di negara ini dengan destinasi utama mereka ialah Kuala Lumpur termasuk ke Genting

Highlands dan Sunway Lagoon, Pulau Pinang dan Langkawi.

Tengku Adnan berkata, tujuan lawatannya ke Asia Barat itu adalah untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan terbaik, apatah lagi tahun ini ulang tahun kemerdekaan Malaysia yang ke-50.

"Malaysia mempunyai jajaran pantai yang cantik, kaya dengan khazanah alam semula jadi, kepelbagaian budaya dan menawarkan peluang membeli-belah dengan harga sangat murah. Datanglah ke Malaysia, anda pasti terpesona kerana semuanya ada kecuali salji," katanya kepada media tempatan di Dubai, pada 30 April lalu.

Tengku Adnan menjawab soalan bertalutalu yang diajukan wartawan tempatan di sana dan masing-masing mahu membongkar apa istimewanya TMM07 sehingga beliau sanggup bersusah payah ke Dubai semata-mata mempromosikan Malaysia.

Ternyata kesungguhan Kementerian Pelancongan mengatur sesi sidang media ringkas di Dhow Palace Hotel pada 30 April lalu itu tidak sia-sia apabila ia mendapat liputan meluas akhbar tempatan termasuk *Gulf News* - akhbar utama di Dubai, selain misi promosi TMM07 itu turut dilaporkan beberapa akhbar lain dan majalah.

Di sebalik tindak balas menggalakkan itu, Tengku Adnan langsung tidak berkesempatan duduk bersandar walau seketika.

Jadual hariannya sangat padat. Selain temura mah eksklusif dengan stesen televisyen tempatan, beliau turut mengadakan pertemuan dengan syarikat penerbangan berpangkalan di Asia Barat untuk menerangkan pelancong dari negara masing-masing ke Malaysia.

Sekurang-kurangnya, lima syarikat penerbangan menyatakan minat dan persetujuan untuk menambah atau memulakan penerbangan dari negara masing-masing ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

"Pengerusi Emirates Airlines, Sheikh Ahmed Saeed Al Maktoum, memberitahu saya mereka bercadang meningkatkan penerbangan Dubai-Kuala Lumpur selewat-lewatnya Ogos ini selepas mendapat kapal terbang baru.

"Saya juga berjumpa wakil Air Astana dari Kazakhstan yang meneliti mengadakan penerbangan dari Almaty-Kuala Lumpur atau Almaty-Bangkok-Kuala Lumpur, manakala Egypt Air akan memulakan penerbangan ke Malaysia dari Kaherah melalui Mumbai empat kali seminggu bermula Jun ini.

"Etihad Airways mahu menambah penerbangannya dari Abu Dhabi ke Malaysia kerana kata mereka, Kuala Lumpur adalah destinasi paling laris bagi syarikat pelancong Arab di Asia Tenggara," katanya.

Selain itu, Penerbangan Malaysia (MAS) juga menyatakan komitmen menambah penerbangannya bagi laluan Kuala Lumpur-Dubai-Kuala Lumpur kepada 11 kali seminggu pada Julai dan Ogos ini, berbanding lima penerbangan waktu biasa.

Penambahan itu dilakukan khusus bagi menghadapi peningkatan pelancong Asia Barat ke Malaysia, berikutan cuti musim panas di rantau Teluk pada dua bulan berkenaan yang sekali gus memastikan hal berkaitan pengangkutan diselesaikan dengan jayanya untuk memastikan jumlah 300,000 pelancong sebagai angka yang mampu dicapai.

Pertemuan Tengku Adnan dengan agensi pelancongan beberapa negara Asia Barat turut menghasilkan kesan positif apabila masing-masing bersetuju membawa pelancong ke Malaysia secara pakej yang turut membabitkan kerjasama dengan syarikat penerbangan negara seperti AirAsia.

Wakil agensi pelancongan terbabit mengakui Malaysia antara destinasi pelancongan paling popular bagi pelancong Arab di Asia Tenggara, mengatasi negara jiran seperti Indonesia, Thailand dan Singapura selain kemudahan disediakan bertepatan dengan cita rasa mereka.

"Agensi pelancongan Iran misalnya, mahu bekerjasama dengan syarikat penerbangan tambang murah, AirAsia, bagi menyediakan pakej tertentu kepada pelancong negara berkenaan untuk menggunakan penerbangan itu ke destinasi lain dalam Malaysia seperti Langkawi dan Sabah," katanya.

Tambah meyakinkan, kehadiran pelancong Arab mampu meningkat tahun ini apabila majalah pelancongan di Dubai, *Safaar*, dalam kaji selidiknyanya menunjukkan Malaysia menjadi destinasi pilihan pelancong UAE pada cuti musim panas akan datang berdasarkan 3,000 responden pelbagai latar belakang dan usia.